

19/02/2002

Formula Malaysia gegar Litar Sepang

MEMILIKI litar cantik sambil disokong dengan perusahaan berkaitan dengan automobil dan status pengeluar petroleum sudah cukup memberi keyakinan bahawa Malaysia mampu mempunyai sebuah pasukan Formula Satu (F1) sendiri.

Malah hasrat untuk memiliki pasukan F1 sendiri datang daripada idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang yakin dengan kemampuan anak tempatan di samping menyedari perkembangan sukan bermotor dapat memberi faedah kepada negara.

Justeru untuk membangunkan sukan bermotor, perlumbaan membabitkan kenderaan satu tempat duduk yang dikenali sebagai Kejuaraan Formula Malaysia diperkenalkan.

Kejuaraan Formula Malaysia yang memberi tumpuan kepada program pembangunan bakat muda berusia 16 hingga 25 tahun dengan tujuan melahirkan pelumba bertaraf dunia di kalangan rakyat tempatan di masa akan datang.

Kejuaraan Formula Malaysia dinaungi Dr Mahathir, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bersama Litar Antarabangsa Sepang (SIC) dan Silverstone Berhad menjadi kenyataan dengan sokongan Suzuki Motor Corporation, Jepun.

Pembabitan besar Suzuki Motor Corporation dalam sukan bermotor diketuai pemandu terkenal E Nobuhiro Tajima atau dikenali sebagai 'Monster' Tajima seorang pelumba veteran untuk kenderaan satu tempat duduk.

Sejak 1990, Tajima menyertai pelbagai kelas perlumbaan mendaki gunung dengan Suzuki Hill Climb yang direka khas di antara 800bhp hingga 900 bhp. Dia turut menjuarai sekali di Pikes Peak Hill Climb Race, Amerika Syarikat dan tiga kali berturut-turut di Silverstone 'Race To The SKY', New Zealand.

Sebagai pemandu perlumbaan dan jurutera mekanikal, rekaan Suzuki Hayabusa ciptaan 'Monster' Tajima dihasilkan dengan kesungguhan dan kecintaannya sendiri untuk menyumbang kepada sukan bermotor untuk remaja berbakat.

Usaha mengadakan Formula Malaysia diperkukuhkan lagi dengan adanya SIC iaitu litar F1 Malaysia berteknologi tinggi dan terkini yang ditawarkan kepada dunia. Malah keupayaan SIC harus dibanggakan dengan anugerah sirkit terbaik selepas setahun beroperasi.

Kejayaan mengelolakan Grand Prix F1 Malaysia sebanyak dua kali sudah cukup membuktikan keupayaan SIC untuk mengemudikan Kejuaraan Formula Malaysia. Dengan adanya keperluan untuk mengendalikan Suzuki Hayabusa, SIC dianggap tempat paling sesuai untuk penganjuran Kejuaraan Formula Malaysia.

Untuk mengendalikan Kejuaraan Formula Malaysia, pastinya memerlukan industri sokongan dan Silverstone Berhad dilantik sebagai pembekal tayar rasmi. Silverstone sememangnya terkenal dengan pencapaian dalam sukan bermotor di dalam dan luar negara, di samping mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas untuk memenuhi spesifikasi yang diperlukan pada tahap perlumbaan formula.

Terkenal dengan rekaan tayar yang berinovatif dan terkini serta mempunyai teknologi pembangunan tayar, Silverstone menghasilkan tayar slick dan semi-slick untuk Suzuki Hayabusa di bawah jenama FTZ Sport.

Pengarah Urusan Consultion Sdn Bhd, Joseph Wong berkata, ramai yang beranggapan Silverstone adalah syarikat milik bangsa asing.

"Silverstone adalah sebuah syarikat seratus peratus milik Malaysia dan pihak kami memberi sokongan padu dalam usaha melahirkan pemandu profesional untuk masa akan datang.

"Silverstone sentiasa memberi sokongan dan menjadi penaja dalam kejohanan perlumbaan membabitkan negara. Kami juga pernah menaja Kejuaraan Siri Proton dan menyokong Alexander Yoong ketika dia mula menyertai Kejuaraan Formula Renault Bristih dalam usahanya mencapai impian menjadi pemandu F1," katanya.

(END)